



LAPORAN TAHUNAN

2021

**UNIT KERJA SOSIAL
PERUBATAN**

HOSPITAL TAIPING

1.PENGENALAN

Latar belakang

Unit Kerja Sosial Perubatan (UKSP) Hospital Taiping (HTPG) terletak berhampiran dengan Wad Geriatrik dan bersebelahan dengan Klinik Gantian Terapi Metadon. Unit ini menerima rujukan dari Pakar dan Pegawai Perubatan yang bertugas di Wad dan Klinik Pakar, Hospital Taiping berdasarkan keperluan pesakit. Pesakit yang dirujuk adalah di kalangan pesakit-pesakit yang mendapat rawatan di HTPG dan dikategorikan sebagai pesakit yang memerlukan bantuan praktik dan bantuan terapi sokongan.

Objektif

- Memberi perkhidmatan psikososial kepada pesakit semasa proses pencegahan, rawatan dan pemulihan.
- Membantu memulihkan kefungsi sosial agar pesakit menjadi produktif, berdikari dan dapat kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.
- Meningkatkan keyakinan diri ke arah memperkasakan pesakit melalui khidmat terapi sokongan.

Skop Perkhidmatan

Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan disediakan untuk pesakit dalam dan pesakit luar Hospital Taiping merangkumi:

- Pengurusan Bantuan Praktik iaitu bantuan kewangan (peralatan/ ubatan/ rawatan), penempatan institusi dan mengesan waris.
- Pengurusan Bantuan Terapi Sokongan iaitu khidmat perundingan, sokongan emosi dan intervensi krisis.

2.STATISTIK PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diberikan oleh UKSP kepada pesakit adalah melibatkan rujukan pesakit baru dan pesakit ulangan. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 1478 kes pesakit baru dan 557 kes ulangan telah diuruskan oleh UKSP. Jumlah pesakit baru dan pesakit ulangan 2021 UKSP adalah seperti di **Lampiran 1**.

Terdapat dua jenis perkhidmatan yang disediakan di Unit Kerja Sosial Perubatan iaitu :

2.1 Bantuan Praktik

UKSP berperanan untuk membantu pesakit-pesakit yang tidak berkemampuan serta memerlukan bantuan kewangan bagi membeli peralatan perubatan, implan, prostesis dan ubat-ubatan melalui sumber-sumber bantuan kerajaan dan bukan kerajaan. Selain itu juga bantuan praktik juga merangkumi membuat siasatan dan menyediakan laporan penilaian sosio-ekonomi pesakit, perancangan discaj, mengesan waris pesakit, dan penempatan institusi. Antara sumber-sumber bantuan yang banyak menyumbang bagi membantu pesakit adalah Tabung Bantuan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (TBPCKM), Majlis Agama Islam Perak, Majlis kanser Nasional (MAKNA), Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) Cawangan Hospital Taiping, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain. Statistik perkhidmatan UKSP bagi tahun 2020 boleh dirujuk seperti di **Lampiran 2**.

2.2 Terapi Sokongan / Sokongan Sosial

Kes-kes yang dirujuk dan dikenalpasti memerlukan sokongan emosi adalah seperti kes ibu tanpa nikah, kes perkosaan, kes keganasan rumahtangga, kes penderaan, masalah tingkahlaku, pesakit HIV dan OKU / keperluan khas. Statistik perkhidmatan UKSP bagi tahun 2021 boleh dirujuk seperti di **Lampiran 3**.

3. STATISTIK PERAWATAN KESIHATAN

UKSP merupakan salah satu perkhidmatan sokongan yang penting dalam membantu meningkatkan kualiti hidup pesakit dan keluarga dalam perawatan kesihatan bagi mengembalikan kefungsi sosial pesakit agar dapat kembali kepangkuan keluarga dan masyarakat. Sumbangan perkhidmatan UKSP telah dapat diperluaskan khususnya untuk membantu pesakit dalam bentuk sokongan emosi dan bantuan praktik meliputi semua disiplin perubatan yang terdapat di HTPG. Statistik perawatan kesihatan mengikut disiplin yang merujuk kes kepada UKSP adalah seperti di **Lampiran 4**.

4. STATISTIK PENCAPAIAN OBJEKTIF

UKSP mempunyai matlamat mensasarkan empat pencapaian objektif (KPI) yang ditetapkan oleh Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu:

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 1

Masa tindakbalas awal rujukan pesakit bagi Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan adalah dalam masa dua hari bekerja.

-Standard Pengukuran:

Sebanyak **95%** kes yang dirujuk diambil tindakbalas dalam tempoh **dua (2) hari bekerja**.

-Pencapaian KPI 1 adalah seperti di **Lampiran 5**.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2

Peratusan kes dirujuk ke agensi rujukan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah intervensi sosial selesai.

-Standard Pengukuran:

Sebanyak **80%** kes dirujuk ke agensi rujukan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja setelah intervensi sosial selesai.

-Pencapaian KPI 2 adalah seperti di **Lampiran 6**.

5. AKTIVITI DAN LATIHAN ANGGOTA

- Mensasarkan perkhidmatan kerja sosial perubatan secara lebih menyeluruh bukan hanya kepada pesakit tetapi kepada keluarga dan masyarakat dengan mengenalpasti potensi yang ada dalam sesebuah keluarga dan masyarakat bagi meningkatkan kualiti hidup. Beberapa aktiviti dijalankan oleh UKSP seperti di **Lampiran 7**.
- Meningkatkan penyertaan anggota dalam kursus, seminar, bengkel, CME, CPD di dalam dan di luar jabatan bagi mewujudkan anggota jabatan yang berkemahiran dan berkualiti. Sebahagian besar kursus yang disertai adalah secara atas talian ('online'). Pencapaian latihan UKSP seperti di **Lampiran 8**.

6. PEMBANGUNAN FIZIKAL JABATAN

Bagi tahun 2021, terdapat satu kerja naiktaraf dijalankan iaitu Menaiktaraf tingkap bangunan Unit Kerja Sosial Perubatan, Hospital Taiping. UKSP masih mengekalkan lokasi pejabat iaitu di bangunan bekas kuarters Hospital Taiping yang telah diubahsuai untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit. Plan ruang lantai UKSP adalah seperti di **Lampiran 9**.

7. CARTA ORGANISASI

UKSP diketuai oleh seorang Pegawai Kerja Sosial Perubatan Gred S48, diikuti oleh dua orang Pegawai Kerja Sosial Perubatan Gred S41. Terdapat pergerakan keluar dan masuk Pegawai Kerja Sosial Perubatan Gred S41, yang mana Puan Siti Masindah binti Said bertukar keluar ke Hospital Seberang Jaya manakala Encik Mohd Shafrul bin Mohd Suffian bertukar masuk dari Hospital Pekan, Pahang. Unit Kerja Sosial Perubatan mempunyai seorang kakitangan sokongan iaitu Pembantu Operasi N11. Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan UKSP adalah seramai empat orang seperti carta di **Lampiran 10**.

8. CARTA FUNGSI JABATAN


UKSP mempunyai carta aliran bagi setiap kes yang dirujuk mengikut Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan. Carta aliran ini sebagai panduan proses kerja bagi melaksanakan pengendalian kes yang dirujuk dengan lebih berkesan dan efektif seperti di **Lampiran 11**.

KESIMPULAN

- Secara keseluruhannya UKSP telah mencapai matlamatnya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit-pesakit yang dirujuk daripada pelbagai disiplin jabatan HTPG. Ini ditunjukkan melalui peningkatan kes yang dirujuk dan intervensi yang dijalankan oleh PKSP sepanjang tahun 2021. Pelaksanaan Skim Peduli Kesihatan Untuk Kumpulan B40 (PekaB40) memberi impak jumlah penambahan kes yang dirujuk ke unit ini namun dapat diuruskan dengan jayanya hasil kerjasama semua anggota unit. Meskipun masih di bawah Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan bagi menangani penularan pandemik Covid-19, UKSP dapat melaksanakan beberapa aktiviti seperti Tautan Kasih Ramadhan, Kursus Pengurusan Bantuan Kepada Pesakit dan Kursus Pengurusan Pesakit Orang Kurang Upaya pada tahun 2021 dengan pematuhan kepada *Standard Operational Procedure* (SOP).
- Pembahagian tugas pegawai mengikut disiplin adalah supaya intervensi kes dapat dijalankan dengan lebih berkesan, menyeluruh dan berkualiti serta bantuan terapi sokongan dan bantuan praktik dapat dilaksanakan dengan baik agar pesakit dapat dibantu dengan kadar segera untuk dirujuk ke agensi-agensi pemberi bantuan untuk mendapat bantuan peralatan perubatan, ubatan, rawatan dan sokongan sosial bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit.
- Rumah Perantaraan "Teratak Selesa" adalah penempatan sementara waris pesakit yang menunggu pesakit di wad. Teratak Selesa merupakan tempat tinggal sementara bagi waris yang tinggal jauh dari hospital serta kurang berkemampuan. Perkhidmatan ini dapat mengurangkan bebanan kos kewangan ulang alik dan memberi keselesaan kepada waris semasa menjaga ahli keluarga yang sakit di wad. Perkhidmatan ini adalah satu inisiatif terbaik dengan kerjasama HTPG, UKSP dan Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat yang memerlukannya.


LAMPIRAN 1A

BILANGAN KES BARU DAN KES ULANGAN YANG DIRUJUK KE UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN, HOSPITAL TAIPING BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA DISEMBER 2021



LAMPIRAN 2


BANTUAN PRAKTIK



LAMPIRAN 3


TERAPI SOKONGAN / SOKONGAN SOSIAL

BILANGAN KES TERAPI SOKONGAN YANG DIRUJUK KE
UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN HOSPITAL TAIPING
2021



LAMPIRAN 4

STATISTIK PERAWATAN KESIHATAN



LAMPIRAN 5


STATISTIK PENCAPAIAN KPI

KPI 1



STATISTIK PENCAPAIAN KPI

KPI 2



PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN TAHUN 2021

BULAN	TARIKH	PROGRAM
JANUARI	06.01.2021	PROGRAM SUPPORT GROUP (MAKNA)
FEBRUARI	03.02.2021	PROGRAM SUPPORT GROUP (MAKNA)
MAC	31.03.2021	MESYUARAT UNIT
APRIL	07.04.2021	PROGRAM SUPPORT GROUP (MAKNA)
	22.04.2021	PENCERAMAH BAGI CME HOSPITAL TAIPING
MEI	05.05.2021	TAUTAN KASIH RAMADHAN
	05.05.2021	PROGRAM SUPPORT GROUP (MAKNA)
JULAI	13.07.2021	MESYUARAT UNIT
OKTOBER	13.10.2021	KURSUS PENGURUSAN BANTUAN KEPADA PESAKIT
NOVEMBER	03.11.2021	KURSUS SOKONGAN PESAKIT KURANG UPAYA
DISEMBER	16.12.2021	MESYUARAT UNIT


LAMPIRAN 8

LATIHAN ANGGOTA SEPANJANG PERKHIDMATAN DI HOSPITAL TAIPING BAGI TAHUN 2021


BIL	LATIHAN	GRED S48 (NORMADINIATUL SHIDA)	GRED S41 (SITI MASINDAH)	GRED S41 (MOHD SHAFRUL)	GRED S41 (NUR AZILA)	GRED N11 (SAMUHANNA)
1	KURSUS CME (ONLINE)	7	8	0	0	0
2	PERHIMPUNAN PAGI	4	0	0	0	0
3	KURSUS DALAMAN	3	3	2	6	3
4	KURSUS AGENSI LUAR	12	4	0	6	0

LAMPIRAN 9

PELAN LANTAI UNIT SOSIAL HOSPITAL TAIPING



**CARTA ORGANISASI UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN
HOSPITAL TAIPING**



CARTA ALIRAN PENGURUSAN KES UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN

